

PERBARISAN PEGAWAI MEMERINTAH SKN 323 TUDM BUKIT LUNCHU

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2929-perbarisan-pegawai-memerintah-skn-323-tudm-bukit-lunchu

BUKIT LUNCHU, 22 Jan 18 – Perbarisan Bulanan Pegawai Memerintah Skn 323 TUDM telah diadakan di perkarangan padang kawad Skn 323 yang diketuai oleh Kapt Azmi bin Mat Jusoh TUDM.

Dalam perbarisan tersebut, Pegawai Memerintah Skn 323 TUDM, Mej Mohd Rizal bin Zainol TUDM telah menyempurnakan majlis pemakaian pangkat yang terdiri daripada 2 pegawai dan 3 anggota lain-lain pangkat.

Dalam ucapan Pegawai Memerintah, beliau mengucapkan tahniah kepada anggota yang telah dinaikkan pangkat dan mengucapkan terima kasih kepada warga Skn 323 kerana telah mengekalkan kecemerlangan dalam aspek kesiapsiagaan, audit-audit, sukan dan penganjuran aktiviti TUDM pada tahun 2017.

Beliau juga turut mengingatkan agar warga Skn 323 mempraktikkan budaya ‘Betulkan Yang Biasa dan Biasakan Yang Betul’ untuk mengekalkan kecemerlangan pada tahun 2018.

Beliau juga mengingatkan warga Skn 323 agar menjauhi sebarang aktiviti yang melibatkan dadah dan sentiasa mematuhi Direktif Panglima Tentera Udara agar tidak mencemarkan nama baik TUDM dan ATM khususnya.

